

**Anugerah Fellowship Penyelidikan Khutub Sultan Mizan Akan Diwujudkan
Bernama
14 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Kerajaan akan mewujudkan Anugerah Fellowship Penyelidikan Khutub Sultan Mizan bagi menggalakkan lebih ramai saintis muda menjalankan penyelidikan di bidang sains khutub.

Mengumumkan demikian, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata, inisiatif itu, yang akan dibiayai oleh kerajaan dan sektor swasta, telah mendapat kelulusan Kabinet.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas pelancaran buku bergambar bertajuk "A New Landmark of the Malaysian Antarctic Research Programme" oleh Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin di sini.

Turut hadir Sultanah Nur Zahirah, dan Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Malaysia David Pine.

Buku bergambar 184-halaman itu sebagai memperingati lawatan bersejarah Sultan Mizan, ketika itu menjadi Yang di-Pertuan Agong, ke Antartika pada November 2011.

Lawatan itu bagi menandakan penerimaan Perjanjian Antartika secara rasmi oleh Malaysia pada 1959 selaku anggota 'non-consultative' pada 31 Okt, 2011.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645735>